




Headline: Macau scam kebas duit Tabung Haji RM3 juta  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 8 April 2022

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 14



**RAMAI** diingatkan agar lebih berhati-hati dan tidak mendedahkan maklumat perbankan mereka kepada mana-mana pihak.

## Macau scam kebas duit Tabung Haji RM3 juta

**PETALING JAYA** – Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengingatkan orang ramai agar tidak tertipu dengan taktik sindiket penipuan Macau scam yang dikesan telah berjaya menipu mangsa melibatkan akaun Tabung Haji sehingga kerugian kira-kira RM3 juta.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mohd. Kamarudin Md. Din berkata, sebanyak 65 kes mangsa ditipu itu apabila kemudahan fasiliti perbankan internet Tabung Haji mereka dihubungkan dengan bank-bank konvensional lain.

“Hasil siasatan awal mendapati mangsa-mangsa telah memberikan maklumat perbankan kepada individu tidak dikenali melalui panggilan telefon.

“Hal ini mengakibatkan duit

dalam akaun bank mangsa serta wang daripada akaun Tabung Haji yang dihubungkan bersama turut hilang,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Mohd. Kamarudin memaklumkan polis telah mengesan sebanyak 65 kes berhubung modus operandi Macau scam terbabit.

“Dalam pada itu, 65 kes tersebut menyebabkan mangsa mengalami kerugian keseluruhan berjumlah RM3,599,275,” jelas beliau.

Tambahnya, orang ramai diingatkan supaya tidak menyerahkan maklumat perbankan kepada individu yang tidak dikenali, sebarang nasihat atau maklumat lanjut boleh menghubungi CCID Scam Response Center di talian **03-2610 1559/1599**.